

*MAJLIS MAKAN MALAM*

SEMPENA

*LAWATAN KERJA BAHAGIAN PENGURUSAN KEMASUKAN PELAJAR (BPKP), JABATAN  
PENGAJIAN TINGGI (JPT), KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA (KPTM) DAN  
INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA)*

\*\*\*\*\*

**Teks Ucapan**

**Y.Bhg. BRIG. JENERAL DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**

**Naib Canselor**

**Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)**

pada 26 Ogos 2008, di Dewan Capitol, Kangar, Perlis.

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

UniMAP atau dahulunya yang dikenali sebagai KUKUM telah ditubuhkan sebagai sebuah IPTA yang ke-17 setelah ia diluluskan oleh kabinet pada 25 Julai 2001. Mulai 1 Mac 2007 ianya telah ditukar nama kepada Universiti Malaysia Perlis. Penubuhan UniMAP bertujuan untuk melahirkan jurutera berkemahiran tinggi bagi memenuhi pelan perindustrian negara selain memberi alternatif kepada pelajar yang cenderung kepada pembelajaran secara praktikal.

Pembelajaran yang dilaksanakan di UniMAP adalah secara 'lab intensive' atau praktikal bagi menghasilkan jurutera yang berkebolehan dalam merekabentuk, membuat peralatan, menguji dan menyelenggara serta mengaplikasi sebarang konsep teori. Program akademik UniMAP adalah berasaskan 60% pengajaran dalam bentuk praktikal dan 40% lagi dalam bentuk pengajaran teori.

- Memiliki kemudahan prasarana yang setanding dengan IPTA lain – buktinya sebagai contoh UniMAP memiliki kemudahan Clean Room terhebat di Asia sehingga kilang-kilang di Malaysia menjalinkan kerjasama dengan UniMAP untuk melatih pekerja mereka).
- Memiliki tenaga pengajar mahir dari dalam dan luar negara contohnya dari Australia, Iraq, Indonesia, Bangladesh, India, Britain, Mynmar, Republik Kyrgyz, Pakistan & Jepun.
- Menghasilkan produk penyelidikan dan telah memenangi pertandingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti di Geneva, Warsaw, USA, Nuremberg Jerman, Brussels dan yang terbaru di Pittsburgh, USA.

Justeru, kualiti graduan UniMAP yang akan dihasilkan kelak, sudah pasti berkualiti tinggi kerana mereka telah dibiasakan sejak tahun pertama pengajian lagi dengan segala peralatan seperti mana yang terdapat di industri. Maka tidak dapat tidak, keunikan sistem pembelajaran yang dijalankan di universiti ini yang menggunakan

sistem 'fachhochshule' dari Jerman bukan sahaja mampu menghasilkan kualiti graduan yang tinggi malah memenuhi keperluan serta pasaran guna tenaga pekerja berkemahiran tinggi di industri.

Hasil dari maklumbalas yang diterima dari pihak industri sendiri mengenai pelajar-pelajar UniMAP (first batch students) yang telah menjalani latihan praktikal sendiri amat positif. Mereka secara jujur mengatakan pelajar-pelajar UniMAP amat cemerlang semasa menjalani latihan industri kerana apa jua bentuk tugas yang telah diberikan mampu diselesaikan dengan baik.

Saudara-saudari sekalian,

Pada Mei yang lalu, berdasarkan Sistem Penarafan Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA) yang diumumkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), UniMAP telah ditarafkan sebagai universiti '**Terpuji**' (di tangga keempat daripada sembilan buah universiti) dalam kategori *specialised university. Web of Universities* yang melaksana *ranking* universiti-universiti dunia dengan kriteria-kriterianya tersendiri telah mengiktiraf UniMAP di tempat ke 2,536 daripada 16,000 buah universiti dan institusi pengajian tinggi yang dikaji. Daripada 20 buah institusi pengajian tinggi awam (IPTA), 37 buah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) utama dan ratusan kolej swasta di negara kita, hanya 20 buah institusi pengajian tinggi IPT yang tersenarai dalam ranking ini dan UniMAP berada di tempat yang kesepuluh. Saya pasti, memang masih banyak yang perlu UniMAP baiki, tapi kami di UniMAP yakin sasaran yang ditetapkan UniMAP untuk menjadi antara 500 buah universiti yang terbaik di dunia sekitar tahun 2020, bukan angan kosong tetapi bakal direalisasikan kelak. Insya-Allah.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Disini juga saya ingin memaklumkan mengenai kemasukan pelajar baru UniMAP sesi 2008/2009. Bagi sesi kemasukan pelajar baru pada Jun yang lalu, UniMAP

amat bertuah kerana menerima sejumlah 1,765 pelajar iaitu terdiri daripada 1,011 pelajar lelaki dan 754 pelajar perempuan. Jika mengikut nisbahnya pula dilihat agak seimbang iaitu 57% pelajar lelaki dan 43% pelajar perempuan. Ia merupakan satu peningkatan berbanding pengambilan sesi 2007/2008 iaitu 63% lelaki dan 37% pelajar perempuan. Dengan peningkatan angka ini, dapat kita lihat bahawa UniMAP sebenarnya semakin mendapat kepercayaan daripada masyarakat Malaysia khasnya dan dunia amnya. Peratusan ini juga membuktikan bahawa dengan keyakinan tersebut, semakin ramai wanita yang memilih bidang kejuruteraan sebagai karier mereka.

Dengan jumlah kemasukan pelajar baru yang semakin meningkat, UniMAP juga dalam sedar tidak sedar sudahpun menghasilkan alumninya yang ke - 3 dalam Istiadat Konvokesyen ke - 3 pada 16 Ogos yang lalu. Tidak dapat dinafikan lagi, siswazah kelahiran UniMAP hari ini bukan lagi asing pada syarikat-syarikat multinasional, apatah lagi kepada syarikat dan korporat setempat yang memerlukan jurutera.

Pada 2007, seramai 554 orang siswazah telah bergraduat. Dari angka tersebut, sebanyak 495 orang (89.4%) telah membina kehidupan sendiri di pelbagai syarikat, dan selebihnya memilih untuk bekerja sendiri atau menyambungkan pelajaran.

Manakala untuk tahun ini(2008), daripada 645 graduan ijazah sarjana muda, sebanyak 310 orang (48.06%) telah ditawari pekerjaan. Daripada jumlah itu, 161 orang (51.90%) telah dilamar oleh syarikat-syarikat multinasional (MNC). Saya optimis, insya-Allah dalam masa enam bulan dari hari ini, lebih daripada 80% para graduan UniMAP akan mendapat pekerjaan. Sesungguhnya penerimaan banyak syarikat setempat dan syarikat multinasional terhadap siswazah UniMAP semakin meyakinkan kita bahawa keputusan untuk kita mengamalkan pendekatan *hands-on* dan *practical oriented* merupakan keputusan yang menepati keperluan semasa dan terkini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Disini juga saya ingin memaklumkan kepada hadirin sekalian bahawa pelajar-pelajar yang menjadi anggota keluarga UniMAP ini merupakan pelajar-pelajar ‘biasa’ yang memperolehi keputusan SPM yang ‘biasa’. Tapi apabila UniMAP menerima mereka sebagai ahli keluarga, kami para kakitangan sama ada pentadbiran atau akademik telah berikrar untuk mendidik mereka menjadi insan yang berguna dan mampu mengharumkan nama universiti di persada dunia dan menyumbang kepada pembangunan negara Malaysia khasnya.

Dengan tekad dan keazaman yang tinggi itulah, kami para kakitangan UniMAP telah mampu menghasilkan seramai 15 orang (2.3%) graduan yang dianugerahi ijazah kelas pertama yang mendapat CGPA 3.67 ke atas sebanyak, sementara 241 orang (37.4%) memperoleh ijazah kelas kedua atas (CGPA 3.00 hingga 3.66).

Seperti yang anda semua sedia maklum, UniMAP merupakan sebuah universiti yang mengamalkan konsep ‘distributed campus’ iaitu kampus teragih dimana segala urusan tidak tertumpu pada satu tempat sahaja. Hal ini kerana untuk ke perpustakaan para pelajar UniMAP harus ke Kangar iaitu ke bangunan KWSP yang menempatkan Jabatan Canselor, Jabatan Pendaftar, Makmal serta Perpustakaan. Di Kubang Gajah, Arau pula terdapat Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Pusat Teknologi Maklumat Dan Komunikasi. Di Jejawi pula ditempatkan bangunan pusat-pusat pengajian dan manakala di Kuala Perlis sendiri terdapatnya pusat kejuruteraan UniMAP, makmal serta kolej-kolej kediaman. Disebabkan ia terdapat di merata-rata tempat di negeri Perlis ini, maka UniMAP dikenali sebagai ‘distributed campus’ atau kampus teragih.

Walaupun begitu, UniMAP tetap menyediakan kemudahan dan prasarana yang sebaik mungkin bagi memastikan setiap pelajar baru menikmati keselesaan sepanjang berada di kampus ini. Umpamanya, perkhidmatan bas yang berjadual sentiasa diperbaiki dan ditambah jumlahnya bagi memastikan pergerakan pelajar-

pelajar ke setiap cawangan di kampus yang teragih ini tidak terjejas. Selain itu, kolej kediaman pelajar sentiasa dipertingkatkan perkhidmatan dan kemudahannya dari masa ke semasa bagi memastikan keselesaan dan kualiti penginapan pelajar terjamin. Begitu juga dengan setiap kemudahan pembelajaran pelajar-pelajar akan sentiasa dipastikan berkualiti dan mencukupi.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Akhir kata, walaupun anda baru 2 hari bersama kami, saya berharap ikatan silaturrahim antara kita tidak akan berakhir di sini sahaja. Saya juga berharap agar kita semua dapat berkongsi pendapat dan pandangan untuk memantapkan lagi sistem pengurusan universiti yang sedia ada untuk lebih cemerlang dalam visi dan misi kita untuk melahirkan graduan yang berilmu yang menyumbang kepada kemajuan Negara Malaysia.

Sekian.